



13 Julai 2012

## **Amuk khayal hidu gam**

Oleh Shahru Nizam Mohamad  
am@hmetro.com.my

TEMERLOH: Akibat terlalu khayal selepas dipercayai menghidu gam, seorang lelaki warga Indonesia yang bersenjatakan sebatang kayu mengamuk dalam sebuah kedai 24 jam hingga hampir mencederakan dua pekerja premis di Semantan, dekat sini, pagi semalam.

Dalam kejadian jam 4 pagi itu, lelaki berusia 40-an terbabit yang berseluar pendek hitam tanpa memakai baju, menceroboh premis berkenaan sebelum menyelongkar sambil merosakkan pelbagai barang jualan.

Sebelum kejadian, lelaki terbabit yang tidak bekerja berdiri di tepi sebuah stesen minyak berhampiran sambil memegang tin gam sebelum berjalan menuju premis berkenaan.

Ketika masuk dalam premis itu, dua pekerja kedai berkenaan hanya memerhatikan lelaki terbabit menyelongkar barang jualan sehingga menyebabkan keadaan dalam premis itu berselerak.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mohd Noor Mansor berkata, kejadian itu turut disedari beberapa orang awam yang melalui tempat kejadian selepas terdengar jeritan meminta pertolongan.